

23 AUG 2003

Mahathir-Melayu

ORANG MELAYU PERLU MEMPUNYAI PRINSIP MULIA

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama)-- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata orang Melayu perlu mempunyai sifat murni seperti kesabaran, ikhlas, jujur, berpegang kepada prinsip, tekun, rajin dan sanggup menghadapi cabaran.

Beliau berkata nilai-nilai mulia ini boleh membangunkan bangsa dan diri orang Melayu.

Nilai-nilai ini perlu sentiasa dipupuk di kalangan orang Melayu, katanya pada majlis makan malam dan Perhimpunan Anak Melayu Merdeka anjuran Sekretariat Melayu Muda di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Kira-kira 1,200 golongan muda Melayu daripada kalangan profesional, mahasiswa dan pelajar sekolah menghadiri majlis tersebut.

"Kalau kita sanggup bersusah payah terlebih dahulu barulah Allah akan kabulkan doa kita," katanya.

Perdana Menteri berkata orang Melayu mesti faham untuk berjaya, mereka perlu berusaha bersungguh-sungguh.

Ketabahan hati, penguasaan ilmu dan disiplin diperlukan untuk berjaya, katanya.

Beliau berkata orang Melayu perlu melatih diri mereka untuk mempelajari ilmu, cuba berkali-kali, tidak mudah menyerah kalah maka barulah mereka berjaya.

"Gagalnya Dasar Ekonomi Baru (DEB) di kalangan orang Melayu kerana mereka suka mencari jalan mudah dengan menjual saham, kontrak, AP yang diberikan kepada mereka," katanya.

Bumiputera hanya mencapai 19 peratus daripada sasaran 30 peratus yang perlu dicapai oleh orang Melayu dalam DEB, itupun kerana ada institusi bumiputera yang menyimpan saham untuk mereka.

Dr Mahathir berkata orang Melayu mesti merancang dan membentuk strategi untuk mencapai kejayaan.

"Mereka mesti tahu membuat perancangan dan melengkapkan diri dengan ilmu untuk bertindak apabila tiba masanya. Yang penting disiplin, sikap, mengawal diri perlu dilakukan tanpa gopoh-gapah untuk capai matlamat," katanya.

Beliau berkata bangsa yang tidak membuat perancangan tidak akan berjaya.

Perdana Menteri turut memuji orang Melayu kerana sikap mereka yang tidak tamak kuasa yang sekaligus merupakan sumber kejayaan negara ini.

Namun beliau masih tidak berpuas hati dengan kejayaan orang Melayu yang belum berjaya seperti yang dirancang.

Walaupun ramai yang berjaya dalam perniagaan dan perusahaan, tetapi kejayaan itu belum dapat menjamin kedudukan mereka, katanya.

Dr Mahathir berkata orang Melayu tidak dilatih untuk mengawal nafsu sehinggakan banyak daripada mereka yang terlibat dengan gejala penagihan dadah, penyakit HIV, rogol dan sumbang mahram.

Mengenai kemerdekaan, beliau berkata pengisian kemerdekaan memerlukan usaha yang tidak putus-putus untuk dilakukan kerana walaupun negara telah merdeka 46 tahun tetapi perjuangannya masih belum selesai.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Pengerusi Tenaga Nasional Berhad, Datuk Dr Awang Adek Hussin.

-- BERNAMA

HM HM ZB